



KOPI PAHIT

Tajuk sebuah gambar yang tersiar di dalam akhbar tempatan Melayu berbunyi: “Persatuan Kebangsaan Kakitangan Kerajaan Cawangan Pulau Pinang, Tuan Haji Ali Rawas, pagi ini telah menyerahkan sekeping cek yang berjumlah \$1,631.20 kepada Ketua Menteri Pulau Pinang sebagai sumbangan kepada tabung derma perwira. Wang itu adalah jumlah kutipan yang didapati dari satu majlis tari menari yang dianjurkan oleh kesatuan ini baharu-baharu ini.”

Patut di sebut Tuan Haji Ali Rawas ialah Ketua Pegawai Kawalan Haji Persekutuan Tanah Melayu.

No comment.

* * *

Satu istiadat mengali tanah untuk membina tugu orang-orang yang mati dalam masa Jepun di Singapura telah dihadiri oleh wakil-wakil semua agama termasuk tiga orang wakil Majlis Penasihat Islam Singapura yaitu Tuan-Tuan Syed Ali Rida, Tuan Haji Muhammad Khan dan Haji Wanjor. Bagaimana maksudnya – *No comment.*

* * *

Menurut berita dari U.P. di Jakarta bahawa guru-guru di Magelang sekarang sudah banyak teruk kerana mereka datang mengajar hanya memakai baju dalam sahaja – itu pun harus koyak-koyak semuanya. Ini satu tanda nasib kaum guru yang mengajar di situ hidupnya payah sedang bung-bung kedai....tau sama tau. Kalau sekadar

pakaian, kalau tak cukup boleh pakai daun pisang tetapi dengan makan sekali sehari, seperti yang diberitakan, pada susah seh. Kalau makan sekali cukup kenyang dan banyak vitaminnya tidak mengapa tetapi kalau semuanya kurang – berabih dibuatnya. Begitulah keadaan negaraku... kata seorang Indonesia yang ditanya. Mengapa jawabnya begitu bung – katanya: “Habis mau bilang apa?”

* * *

Indonesia telah mengharamkan segala rupa pemogokan supaya negara terjauh daripada kesusahan-kesusahan yang dilakukan oleh buruh. Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sekarang di dalam usaha membina ekonomi. Akibat-akibat mogok banyak perusahaan yang gulung tikar, yang mengakibatkan¹ tuan punya menderita dan pekerja-pekerja sendiri menderita. Kerana itu dalam pembinaan ekonomi mengapa Singapura tidak berani bertindak seperti di Indonesia untuk menghapuskan pemogokan? Barangkali bung, kata setengah orang kerana muslihat pengundian! Kalau ini, ertinya celaka. Kalau tak percaya lihat sahaja nanti!

* * *

Hingga menulis ini, catuan air di Singapura terus berjalan iaitu dari pukul 8 pagi hingga pukul 8 malam tidak kendur-kendurnya pada hal hujan selalu turun. Nampaknya pihak yang berkenaan tidak akan melonggarkan catuan itu sehingga sampai kecukupan air sekalipun awan mendung terus dan hujan nampaknya berhalat² hari. Kerana itu ada orang yang berpendapat catuan tidak akan diringankan kalau di Singapura air tidak bah! Kalau dah begitu apa hendak dibuat lagi?

-Cemeti al-Farouk.

¹ Perkataan sebenar ialah mengakibatkan

² Perkataan sebenar ialah berlat; yang bermaksud berselang (Dewan Bahasa dan Pustaka)